



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## MAKLUMAT PEMOHON PROGRAM BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA TIDAK DIGUNAKAN UNTUK URUSAN CUKAI

Cyberjaya, 4 Januari – Program Bantuan Rakyat 1Malaysia yang dibentangkan dalam Belanjawan 2012 merupakan salah satu program yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengurangkan bebanan serta kos sara hidup rakyat. Bagi melaksanakan program ini, LHDNM telah dipilih oleh Kementerian Kewangan yang menerajui BR1M sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk urusan pendaftaran serta memproses borang-borang permohonan yang dihantar oleh pemohon.

Kebelakangan ini LHDNM mendapat maklumbalas berunsur negatif yang menyatakan maklumat pemohon BR1M akan digunakan untuk urusan percukaian. Justeru, LHDNM ingin menegaskan bahawa LHDNM sama sekali tidak menggunakan maklumat pemohon BR1M bagi tujuan percukaian. Semua maklumat pemohon akan direkodkan ke dalam Pangkalan Sistem BR1M untuk tujuan verifikasi. Ini adalah bagi memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja yang akan menerima bantuan tunai RM 500 melalui BR1M tersebut.

Mengulas mengenai satu aduan rakyat melalui Persatuan Konsumeri Klang yang dilaporkan oleh akhbar berbahasa Tamil pada 3 Januari yang lalu, LHDNM ingin menafikan bahawa maklumat permohonan BR1M beliau telah digunakan untuk menuntut amaun cukai tertunggak beliau. Sebagai makluman, aktiviti pungutan tunggakan cukai pendapatan merupakan aktiviti berterusan yang dijalankan oleh

LHDNM. Aktiviti tersebut tiada kaitan langsung dengan maklumat yang telah dikemukakan oleh pengadu dalam borang BR1M yang telah beliau hantar. Notis yang beliau terima hanyalah merupakan notis tuntutan biasa yang turut dihantar kepada mana-mana pembayar cukai yang masih mempunyai baki cukai tertunggak. Walaubagaimana pun, LHDNM tidak dapat membuat siasatan lanjut berikutan pengadu tidak memberikan maklumat terperinci beliau.

LHDNM sangat menghargai segala pandangan dan maklumbalas daripada orang ramai dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Namun demikian, sebarang maklumbalas hendaklah disertakan dengan fakta yang tepat dan bukannya bersifat dakwaan atau tohmahan semata-mata.

### **SEKIAN, TERIMA KASIH**

# # #

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Masrun bin Maslim</b> <b>Pegawai Perhubungan Awam</b> <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>04 Januari 2012</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 8836</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 7834</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-300-88-3010</b>

**[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**